



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**KARNIVAL SUKAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

**KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA
WP LABUAN**

**16 FEBRUARI 2019 (SABTU)
JAM 8.00 PAGI**

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang saya hormati,

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah s.w.t dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam program Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Saya berasa sangat gembira dan teruja untuk turun padang bersama-sama dengan semua komuniti Labuan pada pagi ini. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur yang menjayakan Karnival Sukan WP Labuan pada kali ini.

Penganjuran Karnival Sukan WP Labuan ini adalah salah satu program yang dilihat sangat dekat dengan rakyat dan ia selaras dengan tema baharu bagi Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”. Tema ini menggambarkan usaha warga Wilayah Persekutuan dalam membentuk suasana peduli, sihat dan selamat.

Karnival Sukan anjuran Majlis Sukan Wilayah Persekutuan ini merupakan usaha tambahan bagi menyebar luas perkhidmatan, dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh KWP dan MSWP di samping mencari bakat-bakat baharu untuk dilatih sebagai atlet mewakili Wilayah Persekutuan. Selain itu, program ini juga dilihat dapat merapatkan jurang antara kerajaan dengan penduduk tempatan.

Saya berasa sangat gembira melihat ramai keluarga datang pada pagi ini membawa bersama anak-anak untuk menyertai program seperti ini. Bukan apa...dalam pada anak-anak kita pada masa ini leka dengan dunia gadget mereka, pengisian program bersukan dan riadah seperti ini boleh mengekang jurang komunikasi dalam keluarga. Aktiviti bersukan dan riadah ini perlu selalu diadakan sebagai inisiatif membentuk nilai institusi kekeluargaan cemerlang kerana pembentukan remaja/belia masa kini penting untuk pembangunan negara masa hadapan.

Budaya bersukan dan gaya hidup sihat merupakan cara terbaik untuk meningkatkan kualiti kesihatan kita. Produktiviti sesebuah masyarakat atau negara, akan dapat diukur melalui tahap kesihatan dalam sesebuah masyarakat. Aspek kesihatan ini merupakan

kualiti fizikal, psikologikal dan sosial yang membolehkan manusia menguruskan diri sendiri dan juga orang lain dengan sewajarnya dalam pelbagai situasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya dimaklumkan pada hari ini sebanyak 8 acara sukan akan diadakan yang melibatkan warga Labuan di pelbagai peringkat termasuk di kampung-kampung, komuniti-komuniti, jabatan dan agensi kerajaan serta persatuan-persatuan sukan yang ada di sini. Antara acara yang dipertandingkan adalah *Fun Walk & Run*; *Fun Ride*; *Mini Marathon Kayak Race*; *Bola Tampar Pantai*; *Petanque Pantai*; *e-Sport*; *Aerobik Pantai* dan *Explorace FT*.

Saya amat berbangga dimaklumkan kira-kira 5,000 peserta yang mengambil bahagian menerusi semua acara sukan yang dianjurkan sekaligus menunjukkan warga Labuan tidak mengenal peringkat umur, jantina maupun kaum mula sedar tentang aktiviti bersukan untuk terus sihat dan cergas.

PENUTUP

Kementerian Wilayah Persekutuan serta Majlis Sukan Wilayah Persekutuan akan merancang pelbagai lagi program yang lebih kreatif untuk menarik penglibatan komuniti setempat menerusi peringkat umur dan generasi terlibat dalam aktiviti yang sihat.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar melalui penganjuran aktiviti sukan ini dapat melahirkan bakat baru yang berpotensi

menyumbang ke arah kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan dan negara. Kita juga berharap agar komuniti Wilayah Persekutuan memberi sokongan dan kerjasama yang berterusan dalam setiap program yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya
dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah.
Wassalamualaikum **Warrahmatullahi**
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.